

**UNTUK SIARAN SEGERA****Kuala Lumpur, 1 November 2024****Khazanah Nasional perjelas penjualan saham FashionValet**

Khazanah Nasional ("Khazanah") telah melabur RM27 juta untuk memperoleh 9% kepentingan dalam FashionValet ("Syarikat") pada tahun 2018. Pada masa itu, Syarikat adalah platform e-dagang fesyen tempatan yang berpotensi, dengan lebih daripada 400 jenama dan 15,000 produk di platformnya serta menjangkakan pertumbuhan pendapatan sekitar 60% setiap tahun. Rasional pelaburan kami berasaskan tema e-dagang luar talian ke dalam talian (*Offline-to-Online*), serta komitmen untuk menyokong usahawan Malaysia dan syarikat peringkat awal yang berpotensi.

Dalam tempoh beberapa tahun, Syarikat tersebut menghadapi cabaran, sebahagian besarnya kesulitan yang timbul disebabkan COVID-19, termasuk rancangan perluasan platform. Ini menyebabkan FashionValet, di bawah bimbingan Lembaga Pengarah dan pemegang saham, beralih fokus daripada menjadi sebuah platform e-dagang untuk jenama Asia Tenggara kepada mengembangkan jenama milik penuh, Duck dan Lilit, bagi mengekalkan margin operasi dan aliran tunai syarikat. Syarikat juga mengambil langkah untuk merasionalisasi kos dan menyelaraskan operasi, namun terus menghadapi cabaran, termasuk pengumpulan dana dalam persekitaran yang sukar pada tahun 2022-2023.

Pada akhir tahun 2023, NXBT Partners, yang diterajui seorang usahawan Malaysia yang berpengalaman, menawarkan untuk memperoleh kepentingan pemegang saham sedia ada dan menyuntik modal ke dalam Syarikat. Memandangkan Syarikat memerlukan dana dengan segera untuk meneruskan operasi, dan memandangkan pelaburan telah mencapai akhir tempoh pegangan yang disasarkan, Khazanah mempertimbangkan dan menerima tawaran tersebut. Penjualan ini adalah satu langkah keluar yang bertanggungjawab untuk mengalih pemilikan kepada pihak yang mampu membantu mendorong Syarikat ke arah trajektori pertumbuhan baru.

Sebagai dana kekayaan berdaulat negara, Khazanah akan terus melabur secara bertanggungjawab dan mengurus aset untuk pulangan pelbagai generasi yang mampan bagi negara. Sebagai sebahagian daripada strategi Memajukan Malaysia yang berasaskan kerangka "*A Nation That Creates*", kami kekal komited untuk menjana transformasi syarikat-syarikat Malaysia pelbagai saiz untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara, selaras dengan program GEAR-uP yang diterajui Kementerian Kewangan.

Kami percaya bahawa ekosistem permulaan adalah penggerak inovasi, pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan di Malaysia. Walaupun terdapat risiko pelaburan dan cabaran yang lebih tinggi dengan syarikat peringkat awal, Khazanah akan terus berdedikasi untuk menyokong syarikat permulaan tempatan dan akan terus bersama mereka sehingga mencapai kejayaan serta pertumbuhan.

Kami menghargai segala kepercayaan dan sokongan berterusan daripada pemegang kepentingan kami, dalam usaha kami mencapai matlamat ekonomi negara selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI kerajaan.

**TAMAT**



ADVANCING  
MALAYSIA



KHAZANAH  
NASIONAL

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my) atau hubungi Sherliza Zaharudin di Tel: +603 2034 0000, atau emel ke [sherliza.zaharudin@khazanah.com.my](mailto:sherliza.zaharudin@khazanah.com.my).

#### Tentang Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang Memajukan Malaysia, Khazanah menasarkan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my)